

Headline	Penduduk perlu minta kebenaran PBT untuk terima bekalan elektrik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Letters	Page No	19
ArticleSize	315 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 38,791		



Ada tiang elektrik tapi masih bergelap

Oleh AMINU TUAN LAM
www.utusanmalaysia.com.my

GUARANTEE Setelah bertemu dengan penduduk Kampung Sungai Bayu Dalam di sini mendakwa terdapat benganguran kepada televisyen dan telefon selular yang menyebabkan bekalan elektrik sejak 14 tahun lalu.

Dahulu sekali, walaupun tiang elektrik sudah dibangun

Ketiga-setiga penting bagi menghadapkan jalinan bekalan elektrik pada 2010. Namun, ia tidak berfungsi kerana sistem ini memerlukan intervensi sejajar untuk memastikan sistem bekalan bersifat kuasa. "Ketika itu, kami mohon bantuan kerajaan untuk memperbaiki bekalan elektrik di sini kerana ia berfungsi selama 6 petang lamanya dan tidak memberi cahaya pada rumah-rumah di kawasan ini,"

**UTUSAN
Malaysia
20 Januari,
2023.**

Penduduk perlu minta kebenaran PBT untuk terima bekalan elektrik

SAUDARA PENGARANG,

MERUJUK laporan Utusan Malaysia bertajuk Ada Tiang Elektrik Tapi Masih Bergelap pada 20 Januari lalu, Tenaga Nasional Berhad (TNB) ingin memaklumkan bahawa tiang sedia ada yang disebut dalam artikel itu adalah tiang bekalan elektrik kepada penduduk Kampung Sungai Bayu Dalam, Gua Musang, Kelantan yang telah mendapat bekalan dan memenuhi syarat permohonan.

Manakala, bagi penduduk yang membuat aduan tidak mendapat bekalan pula, semakan mendapat TNB tidak menerima sebarang permohonan bekalan elektrik daripada penduduk atau permohonan melalui Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB).

Pihak TNB telah mengadakan lawatan tapak pada 21 Januari lalu dan setelah mendapat rujukan bersama Pihak Berkusa Tempatan (PBT), status tanah dan tapak rumah pengadu adalah masih milik kerajaan.

Maka, syarat dan prosedur untuk memohon bekalan elektrik adalah perlu mendapat kebenaran daripada PBT terlebih dahulu. Antara syarat lain adalah termasuk izin lalu tiang elektrik sehingga ke premis pengguna.

Lanjutan daripada kes ini, pihak TNB bakal mengadakan sesi perbincangan bersama PBT bagi membantu menyelesaikan isu ini dalam masa terdekat terutama berkaitan status pemilikan tanah berkenaan.

Setelah status pemilikan tanah dan syarat izin lalu diselesaikan, pengadu boleh memohon bekalan elektrik melalui kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga.

Untuk sebarang pertanyaan lain berkaitan permohonan bekalan elektrik, pengguna boleh menghubungi TNB CareLine di talian 1-300-88-5454 atau Facebook TNB Careline.

**JABATAN KOMUNIKASI
KORPORAT KUMPULAN**
Tenaga Nasional Berhad (TNB)